



KENYATAAN MEDIA

Untuk Edaran Segera

18 MEI 2018

YAYASAN *TEACH FOR MALAYSIA* BERHARAP UNTUK TERUSKAN KERJASAMA DENGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA UNTUK MEMPERKASAKAN GENERASI PEMIMPIN SETERUSNYA

Tahniah kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad atas pelantikan YAB Tun sebagai Menteri Pendidikan

KUALA LUMPUR: Yayasan *Teach For Malaysia* (YTFM) merakamkan ucapan tahniah kepada YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad atas pelantikan sebagai Menteri Pendidikan yang baru. Pihak YTFM akan menyokong transformasi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pemeraksanaan pelajar, pelaksanaan inovasi pembelajaran abad ke-21, dan pengambilan bakat-bakat cemerlang untuk berkhidmat dalam sektor pendidikan.

Pada 9 Mei 2018, rakyat Malaysia telah melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara untuk mengundi barisan pentadbir negara. Keputusan PRU ke-14 menunjukkan bahawa suara setiap rakyat Malaysia memainkan peranan penting dalam pembinaan negara. Di YTFM, kami percaya bahawa isu-isu dapat diselesaikan sekiranya kita mendengar suara dan memperkasakan para pelajar. Kami berharap dapat melihat sebuah Malaysia di mana semua pelajar diperkasakan untuk menjadi seorang pemimpin masa hadapan negara yang bertanggungjawab terhadap bukan sahaja pembelajaran mereka sendiri tetapi juga masa hadapan mereka dan ini perlu bermula di dalam bilik darjah. Namun begitu, berdasarkan pengalaman kami, masih ramai pelajar sekolah yang tidak mempunyai kemahiran pemikiran kritikal, kreativiti, dan keyakinan yang tinggi untuk menyuarakan dan berkongsi pendapat. Bagi mencapai visi ini, negara kita memerlukan pemimpin-pemimpin paling bersemangat dan berpotensi untuk bekerjasama dengan komuniti-komuniti tempatan agar pelajar kita dapat diperkasakan.

Dzameer Dzulkifli, Pengarah Urusan Yayasan Teach For Malaysia berkata:

"Kami bersetuju dengan pendekatan abad ke-21 dalam pendidikan, akan tetapi, kini kita sudahpun satu perlima daripada abad ke-21. Apabila kita telah bersedia untuk pendekatan abad ke-21, masa sudahpun menjangkau ke abad ke-22. Berdasarkan kadar pembangunan teknologi yang pesat serta cabaran besar yang dihadapi pada masa kini, kita sedar bahawa akal manusia mungkin tidak dapat bersaing dengan kecerdasan buatan, atau Artificial Intelligence (AI). Oleh sebab itu, ianya adalah sangat penting untuk kita fokus kepada pembangunan kecerdasan emosi dan sosial, serta sesi pembelajaran yang menarik dalam bilik darjah. Kita perlu mula mendidik para pelajar kita seumpama di tahun 2100 pada hari ini."

1 dalam 5 kanak-kanak Malaysia tidak menamatkan pendidikan sekolah menengah dan kebanyakan pelajar-pelajar ini tidak dapat memperoleh kecekapan dalam kemahiran bahasa serta celik huruf berbanding dengan rakan sebaya mereka. Salah satu faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan pelajar adalah kualiti pendidikan dan pendidik dalam sistem. Selaras dengan janji Kerajaan untuk menjadikan sekolah awam pilihan terbaik untuk warganegara Malaysia, YTFM berusaha untuk bekerjasama untuk menjadikan profesion keguruan sebagai profesion pilihan para graduan dan golongan muda. Berdasarkan penilaian *GradMalaysia*, YTFM telah diiktiraf sebagai 'Graduate Employer' pilihan para graduan dan mendapat kedudukan ke-37 dalam Malaysia.

TFM menjalankan sebuah program di mana graduan-graduan cemerlang dan golongan profesional muda direkrut untuk mengajar sepenuh masa selama dua (2) tahun di sekolah-sekolah berkeperluan tinggi. Sepanjang perkhidmatan tersebut, Felo TFM akan mendapat pendedahan, pengalaman, mendalami dan memahami cabaran-cabaran yang menjadi kekangan kepada pelajar kita untuk berjaya di dalam bilik darjah. Setelah menamatkan perkhidmatan selama dua tahun, mereka akan terus menyumbang dalam sektor pendidikan negara sebagai Alumni TFM.

Program TFM menyasarkan untuk menempatkan sekurang-kurangnya 100 orang Felo TFM di dalam bilik darjah pada Januari 2019, dan berharap untuk terus bekerjasama dengan KPM dalam merekrut bakat-bakat Malaysia terpilih agar kita dapat memacukan pendidikan cemerlang bagi membina pemimpin masa depan negara kita.

Nota kepada editor:

Tentang kami:

Yayasan *Teach For Malaysia* merupakan sebuah organisasi bukan berkeuntungan bebas yang mempunyai misi agar semua kanak-kanak Malaysia boleh mendapat pendidikan cemerlang. Misi ini diimajukan melalui kerjasama dengan KPM untuk memberi impak di sekolah KPM yang paling mencabar. Kami mempercayai bahawa pendidikan dan masa depan seorang kanak-kanak tidak patut ditentukan oleh latar belakang sosioekonomi mereka. YTFM merekrut graduan-graduan cemerlang serta ahli-ahli profesional muda untuk berkhidmat sebagai guru sepenuh masa dalam sekolah berkeperluan tinggi melalui Program TFM. YTFM merupakan salah satu daripada 48 ahli rangkaian pendidikan global yang berprestij, Teach For All. .

Impak kami:

Saluran pemerksaan belia yang terbesar dalam sektor pendidikan

Sejak bermulanya Program TFM pada tahun 2012, lebih 350 orang Alumni dan Felo TFM daripada 7 Kohort sudah membawa impak positif kepada kehidupan hampir 87,000 pelajar dalam lebih 120 sekolah berkeperluan tinggi di 10 buah negeri di seluruh Malaysia.

Berkhidmat dan membawa impak kepada sekolah-sekolah paling mencabar

Alumni dan Felo TFM kini mengajar dalam sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak. Kami sedang merekrut sekurang-kurangnya 100 Felo TFM untuk Kohort 2019. Untuk maklumat lanjut, sila mengunjungi www.teachformalaysia.org.

Untuk maklumat lanjut, sila menghubungi:

Caryl Heah

Ketua Bahagian Pemasaran
Yayasan Teach For Malaysia

Tel: (+603) 2026 2700

Email: caryl.heah@teachformalaysia.org

Website: www.teachformalaysia.org

Twitter: <https://twitter.com/teachformsia>

Facebook: <https://www.facebook.com/teachformalaysia>

Instagram: <https://www.instagram.com/teachformsia/>